

Semua menteri Kabinet diwajibkan tandatangan akujanji

UM 29 JAN 2002

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Semua menteri Kabinet akan diwajibkan menandatangani surat akujanji sebagai ikrar untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan perkara itu hari ini berkata, memandang kakitangan awam telah menyatakan komitmen mereka dengan menandatangani surat akujanji, adalah wajar bagi anggota kabinet juga berbuat demikian.

“Disebabkan semua (kakitangan awam) telah menyatakan komitmen untuk berkhidmat dengan kerajaan mengikut cara yang teratur, sudah tentu orang atasan juga mesti membuat komitmen yang sama,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Kualiti dan Program Sehari Bersama Pelanggan Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Program itu akan diteruskan pada setiap Sabtu minggu kedua di pekarangan blok 9, Perbendaharaan, Jalan Duta di sini, mulai pukul 9 pagi hingga 4.30 petang.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, beliau mendapati terdapat kekurangan dalam urusan menandatangani surat akujanji itu kerana hanya kakitangan awam daripada Ketua

Setiausaha kementerian hingga budak pejabat sahaja menandatangani.

“Sudah sampai masanya saya rasa menteri pun menandatangani surat akujanji dan berikrar memberi khidmat setia kepada negara.

“Dengan itu kita menjadi anggota kerajaan yang cukup komited kepada tugas dan negara,” katanya.

Perdana Menteri yakin dengan cara itu mutu perkhidmatan awam akan terus meningkat serta dapat memuaskan hati pelanggan iaitu rakyat, termasuk kakitangan kerajaan sendiri.

“Kita semua adalah pengeluar dan pengguna dalam bidang khidmat ini, fikirkanlah kalau orang lain tidak menjalankan kerja dengan sempurna apa akan jadi kepada kita.

“Ingatlah bila kita memberi perkhidmatan pula, tentulah orang lain tidak berpuas hati jika khidmat kita gagal,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut mengingatkan kakitangan kementerian bahawa tugas mereka amat penting dalam menentukan kerajaan mempunyai cukup wang untuk mentadbir negara.

Beliau berbangga kerana kualiti kerja yang ditunjukkan oleh mereka membolehkan kutipan cukai negara dibuat secara sistematik dan mengikut peraturan.

Berbanding sesetengah negara yang menghadapi masalah kewangan termasuk untuk membayar gaji kakitangan awam, katanya, Malaysia beruntung kerana perkara itu tidak berlaku di sini.

“Alhamdulillah di Malaysia tidak berlaku, tetapi di negara lain ia berlaku kerana kecuaiannya para pegawai yang mengutip cukai,” katanya.

Sebagai negara membangun termaju di dunia, Perdana Menteri berkata, rakyat dapat melihat dan menilai keupayaan Malaysia menangkis pelbagai anasir yang cuba merosakkan ekonomi, politik dan kehidupan sosial.

“Sebabnya ialah kerana pegawai-pegawai bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan cukup profesional serta tidak membenarkan fikiran dan perasaan lain mempengaruhi khidmat kita,” katanya.

Justeru beliau berharap semua kakitangan awam menyedari pentingnya meningkatkan mutu kerja demi menjamin kepuasan hati pelanggan yang mendapat khidmat mereka.

“Apabila kita memberi khidmat yang terbaik, kita akan berpuas hati walaupun gaji kita kurang baik, kerana ini adalah sebahagian daripada komitmen kita sebagai kakitangan kerajaan,” katanya.